



**PEKELILING PENTADBIRAN BIL. 36/2023**

**CUTI KHAS KEPADA PETUGAS ISTIADAT  
KONVOKESYEN UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN (UMK)  
KE-13 TAHUN 2023 PADA 8 NOVEMBER 2023 (RABU)**

1. Istiadat Konvokesyen Universiti Malaysia Kelantan (UMK) ke-13 Tahun 2023 telah berlangsung dengan jayanya pada 4 hingga 7 November 2023 di Dewan Tuanku Canselor, UMK Bachok. Istiadat ini telah melibatkan seramai 2,839 orang graduan.
2. YBhg. Dato' Naib Canselor bersetuju meluluskan Cuti Khas pada hari **RABU, 8 NOVEMBER 2023** kepada **semua PETUGAS** Istiadat Konvokesyen UMK ke-13 Tahun 2023.
3. Walau bagaimanapun, staf yang bekerja secara syif perlu mendapatkan kelulusan Ketua Pusat Tanggungjawab (PTj) masing-masing dan berbincang untuk penyelarasan jadual tugas dan petugas kaunter utama operasi pejabat hendaklah beroperasi seperti biasa bagi memastikan perkhidmatan PTj tidak terjejas.
4. Kerjasama semua pihak dimohon untuk mengambil perhatian ke atas perkara ini.

Sekian, terima kasih.

**“ISLAM MEMIMPIN, RAJA MENAUNGI, NEGERI BERKAT”**

**“MALAYSIA MADANI”**

**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**

Saya yang menjalankan amanah,

**(KHAIRUL ERWAN BIN ABDUL HALIM, P.J.K)**

Pendaftar

7 NOVEMBER 2023

- s.k.
- Naib Canselor
  - Timbalan-Timbalan Naib Canselor
  - Semua Ketua Pusat Tanggungjawab